



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR BEMBAN MAJU JAYA
TARIKH: 13 JANUARI 2022 (KHAMIS), JAM: 10.00 PAGI
DI BILIK MESYUARAT KOMPLEKS JAPERUN BEMBAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis,

YBhg. Datuk Wira Hasan Bin Abd. Rahman,
Penyelaras DUN Bemban;

YBr. Tuan Rahizi Bin Ranom,
Pegawai Daerah Jasin;

Ketua-ketua Jabatan Peringkat Daerah Jasin;

Pimpinan Masyarakat, Rakan-rakan Media;

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin;

Para peserta Seminar Bemban Maju Jaya;

Seterusnya, Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

MUKADIMAH

1. Apa khabar semua? Semua sihat? Segala doa yang baik-baik saya titipkan untuk mengiringi semua, Insha-Allah.
2. Alhamdulillah, saya panjatkan segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, atas kurnia serta keizinan-Nya jua, maka pada pagi ini, kita dapat sama-sama hadir sempena Seminar Bemban Maju Jaya 2022.

3. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan sekalung tahniah kepada YBhg. Datuk Hasan serta kakitangan daripada JAPERUN DUN Bemban di atas penganjuran seminar yang bermanfaat untuk pembangunan serta kelestarian DUN Bemban, seterusnya memberi satu imej yang sangat baik untuk kita contohi selaras dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang telah saya lancarkan pada 8 Mac 2021 yang lepas.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Saya dimaklumkan Seminar Bemban Maju Jaya 2022 yang dihadiri oleh lebih kurang **150** orang peserta pada hari ini adalah seminar yang akan menumpukan kepada Pelan Perancangan Jangka Pendek dan Jangka Panjang yang sedang diatur atau dengan kata lain melalui *Carta Perbatuan*, apa yang akan dirancang atau akan dilaksanakan di dalam DUN Bemban untuk tempoh satu penggal ini atau 5 tahun akan datang ini.

5. Saya juga difahamkan, indikator yang diguna pakai di dalam Seminar Bemban Maju Jaya ini adalah berteraskan, ***ekonomi, infrastruktur, pendidikan dan kemasyarakatan***. Berdasarkan indikator ini, saya berharap DUN Bemban dapat merangka satu pelan pembangunan yang terancang dan pesat sehingga akhirnya mampu memberi kesejahteraan kepada penduduk di DUN Bemban ini.

6. Berdasarkan objektif seminar ini, saya menyambut baik segala usaha yang dirancang oleh JAPERUN Bemban dan saya lihat inisiatif ini selari dengan visi Kerajaan Negeri Melaka iaitu Menuju Negeri Lestari.

7. Bukan itu sahaja, seperti yang telah saya sebutkan dalam ucapan Amanat Tahun Baharu 2022 pada Isnin yang lalu, saya tekankan bahawa tahun ini adalah **Tahun Kecekapan Pelaksanaan.** Saya telah menyarankan **5** kecekapan pelaksanaan yang perlu dijadikan asas dalam merealisasikan segala

perancangan, inisiatif dan tugas oleh setiap penjawat awam di Negeri Melaka.

8. Dalam hal ini, antara yang saya tekankan adalah mengenai peri pentingnya kita perlu memastikan bahawa segala inisiatif kepada rakyat, hendaklah disampaikan dengan kadar pantas, lancar, sistematik dan berkesan demi kemakmuran rakyat khususnya penduduk di DUN Bemban ini walaupun wakil rakyat di Bemban ini adalah wakil bukan kerajaan.

9. Sehubungan dengan itu, saya yakin hala tuju yang dibawa oleh JAPERUN Bemban ini akan mendatangkan hasil yang baik kepada penduduk di DUN Bemban. Insha-Allah melalui usaha-usaha yang berterusan ini, pada Pilihan Raya Umum yang akan datang nanti, saya yakin kita mampu memenangi semula kerusi DUN Bemban ini.

10. Saya berharap semoga segala perbincangan atau percambahan fikiran daripada Seminar Bemban Maju Jaya pada hari ini dapat didokumenkan untuk

dijadikan rujukan oleh semua agensi, yang boleh diterjemahkan menjadi pelan tindakan konkrit dan matlamat utama prestasi bagi mencapai kecemerlangan pentadbiran.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENUTUP

11. Akhir kata, saya doakan agar Seminar Bemban Maju Jaya 2022 ini menjadi titik permulaan untuk kita

terus bergerak ke hadapan dalam mencapai apa yang dihasratkan. Semoga apa yang kita rancangkan ini diberkati dan dipemudahkan untuk hari-hari yang mendatang. Jika tidak untuk kita pada hari ini, tetapi untuk generasi masa depan kita.

12. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Seminar Bemban Maju Jaya 2022 pada hari ini.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-